

# E-BULETIN MALAYSIA SIHAT SEJAHTERA

BIL. 3/2022

KAMI SEDIA MEMBANTU



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

## LAWATAN DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SELANGOR KE HOSPITAL SERDANG



PERASMIAN FORUM STRATEGI &  
PEMBANGUNAN HOSPITAL  
MASA HADAPAN



PEMBINAAN KLINIK KESIHATAN  
JULAU: PERTINGKAT KUALITI  
PERKHIDMATAN KESIHATAN  
KEPADA RAKYAT



DELEGASI MENTERI KESIHATAN  
REPUBLIK SINGAPURA KE  
KKM





KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

## SIDANG PENGARANG E-BULETIN MALAYSIA SIHAT SEJAHTERA

### Penasihat

YBhg. Datuk Harjeet Singh a/l Hardev Sing  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Kesihatan Malaysia

### Ketua Pengarang

Puan Yamuna Perimalu

### Pegawai Penyelaras

Puan Nor Suraiti bt Madianuddin  
Cik Mona Ang  
Puan Nurul Ridzwani binti Ali Noor Radzi  
Cik Nurul Nadiah binti Zaipol

### Pereka Grafik dan Susun Atur

Encik Mohd Iswandy bin Wally

Sidang redaksi e-Buletin Malaysia Sihat Sejahtera Bil.3/ 2022 merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada barisan Pengurusan Tertinggi KKM dan semua bahagian di KKM yang menjayakan penerbitan e-Buletin Malaysia Sihat Sejahtera Bil.3/ 2022.



Bagi sebarang makluman dan pertanyaan, sila hubungi:

Sidang Redaksi e-Buletin Malaysia Sihat Sejahtera  
Unit Komunikasi Korporat  
Aras 4, Blok E7  
Kementerian Kesihatan Malaysia, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62590 Putrajaya Malaysia.

Tel : 03-8883 3481 / 3675  
Faks : 03-8888 6187  
E-mel : mona.ang@moh.gov.my



<https://www.facebook.com/kementeriankesihatanmalaysia/>



<https://www.instagram.com/kementeriankesihatanmalaysia/>



<https://twitter.com/KKMPutrajaya>





# e-Buletin Malaysia Sihat Sejahtera

## Isi Kandungan



**LAWATAN DULI YANG MAHA MULIA  
SULTAN SELANGOR KE HOSPITAL  
SERDANG**

**01**

**PERASMIAN FORUM STRATEGI &  
PEMBANGUNAN HOSPITAL  
MASA HADAPAN**

**13**



**PEMBINAAN KLINIK KESIHATAN JULAU:  
PERTINGKAT KUALITI PERKHIDMATAN  
KESIHATAN KEPADA RAKYAT**

**14**

**DELEGASI MENTERI KESIHATAN  
REPUBLIK SINGAPURA KE KKM**

**17**






## LAWATAN DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SELANGOR KE HOSPITAL SERDANG, SELANGOR



**D**uli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibi Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj telah berkenan berangkat ke Hospital Serdang pada 28 Mac 2022 yang diiringi oleh YB Khairy Jamaluddin, Menteri Kesihatan. Ketika lawatan tersebut diadakan, Baginda berkenan untuk melawat Makmal Invasif Kardiologi (ICL) yang merupakan pusat rujukan utama bagi perkhidmatan kardiologi dan kardiotorasik kebangsaan. Baginda juga telah berkenan untuk menerima sembah taklimat mengenai pembangunan fasiliti kesihatan di negeri Selangor yang telah disampaikan oleh YB Menteri Kesihatan. Turut hadir ialah YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, YBhg. Datuk Harjeet Singh, Ketua Setiausaha dan YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan.





## SULTAN IBRAHIM JOHOR FOUNDATION & YAYASAN TERMASEK KOMITED MEMBERI SUMBANGAN PERALATAN PERUBATAN KEPADA KKM

**K**ementerian Kesihatan Malaysia (KKM) amat berbesar hati dengan sumbangan peralatan perubatan daripada Sultan Ibrahim Johor Foundation dengan kerjasama bersama Yayasan Temasek dari Singapura di Istana Pasir Pelangi yang bernilai lebih RM28 juta. Penerimaan sumbangan tersebut telah diwakili oleh YB Khairy Jamaluddin, Menteri Kesihatan Malaysia pada 5 Mac 2022. Sumbangan tersebut akan diagihkan kepada fasiliti kesihatan di seluruh negara dan turut dinikmati oleh semua rakyat Malaysia tersebut termasuklah pelbagai peralatan perubatan bernilai RM10 juta kepada Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKN Johor) seperti pelindung muka, pelitup muka KN95, ventilator, mesin dialisis, *swabbing mobile* dan BIPAP. Menjunjung setinggi-tinggi kasih kepada DYMM Sultan Johor, Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar yang telah berkenan menyempurnakan sumbangan tersebut. Berangkat sama, DYAM Mejar Jeneral Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor.







**TO HEAR FOR LIFE, LISTEN WITH CARE!**

**M**ajlis Pelancaran Hari Pendengaran Sedunia 2022 di Hospital Serdang telah dirasmikan oleh YB Khairy Jamaluddin, Menteri Kesihatan Malaysia pada 9 Mac 2022. Tema Hari Pendengaran Sedunia 2022 ialah *'To hear for life, listen with care!'* memberi fokus kepada kepentingan menjaga pendengaran dan mempraktikkan amalan mendengar yang selamat dan sihat serta mencegah kehilangan pendengaran. Kerajaan Malaysia menyediakan dana bantuan peranti pendengaran seperti alat bantu pendengaran (*hearing aid*) dan implan koklea bagi pesakit yang kurang berkemampuan dan berpendapatan rendah mengikut kriteria yang ditetapkan. Program Implan Koklea Kebangsaan di KKM telah dilaksanakan sejak tahun 2008 bagi membantu individu yang mengalami masalah pendengaran kekal yang tidak mendapat atau hanya mendapat faedah minimum daripada alat bantu pendengaran.







## MEMPERGITAKAN USAHA MEMBERI KESEDARAN DAN KEFAHAMAN PENYAKIT KANSER KEPADA MASYARAKAT

**Y**B Khairy Jamaluddin, Menteri Kesihatan Malaysia telah menghadiri program bersama Pesakit Kanser bersempena dengan Sambutan Hari Kanser Sedunia di Restoran Roti @ D' Tandoor, Jalan Damai off Jalan Ampang, 11 Mac 2022. YB Menteri Kesihatan telah menyatakan bahawa tema Hari Kanser Sedunia bagi tahun 2022 iaitu 'Rapatkan Jurang Penjagaan Kanser', sangat bertepatan berdasarkan jalinan kerjasama dan keterlibatan daripada pelbagai pihak sama ada peringkat kerajaan, pihak swasta, NGO mahu pun orang perseorangan. Beliau juga turut mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada penganjur program iaitu Yayasan Kaseh Kanser & Kronik (YKKK), dengan kerjasama Kumpulan Rangkaian D'Tandoor, Yayasan Prihatin dan Persatuan Orang Kota Bharu (POKB).







## RAMAI RAKYAT MALAYSIA MASIH TIDAK PRIHATIN DENGAN KESIHATAN-YB KHAIRY JMALUDDIN

**Y**B Khairy Jamaluddin, Menteri Kesihatan Malaysia telah ke Senawang pada 13 Mac 2022 bagi menghadiri Program Khidmat Komuniti sempena Sambutan Hari Pembantu Perubatan 2022 anjuran Persatuan Pembantu Perubatan Malaysia. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) amat prihatin dengan kesihatan rakyat apabila mendapati ramai yang tidak membuat saringan kesihatan diri walaupun kerajaan telah menyediakan kemudahan. KKM bercadang untuk memilih bulan Julai sebagai 'bulan pemeriksaan kesihatan', petugas KKM akan membuat saringan individu di Klinik Kesihatan atau hospital, dan turut adakan program *outreach* ke kampung-kampung dan kawasan pedalaman bagi melakukan pemeriksaan kesihatan. YB Menteri Kesihatan juga telah mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada ahli-ahli persatuan dan warga KKM atas usaha mereka demi memastikan rakyat setempat supaya terus cakna dengan tahap kesihatan diri masing-masing.





## KEMASUKAN YANG SELAMAT DAN LANCAR : SEMPADAN MALAYSIA BAKAL DIBUKA 1 APRIL 2022



**Y**B Khairy Jamaluddin, Menteri Kesihatan dan YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, Menteri Pengangkutan telah hadir ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) untuk meninjau kesiapsiagaan pintu masuk antarabangsa utama Malaysia sempena pembukaan semula sempadan penerbangan Malaysia pada 1 April 2022. Objektif kerjasama tersebut adalah untuk memberi tumpuan kepada 'Kemasukan Yang Selamat dan Lancar'. YB Menteri Kesihatan dan Menteri Pengangkutan turut mengadakan lawatan ke balai ketibaan penumpang KLIA untuk melihat prosedur semasa dan persiapan yang sewajarnya.







## SINGAPURA & MALAYSIA : MENINGKATKAN KOMUNIKASI KONGSI MAKLUMAT MENGAWAL PENULARAN COVID-19

**M**enteri Kesihatan Republik Singapura, Tuan Ong Ye Kung bersama delegasi dari Singapura membuat lawatan kerja ke Kuala Lumpur dan Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan telah disambut oleh YB Khairy Jamaluddin, Menteri Kesihatan pada 23 Mac 2022. Antara isu yang dibincangkan oleh kedua-dua menteri tersebut adalah mengenai situasi COVID-19 di negara masing-masing dan berkongsi pengalaman dan pengurusan berkaitan langkah kesihatan awam. Kumpulan kerjasama Singapura dan Malaysia tersebut telah ditubuhkan bagi mengukuhkan kerjasama dua hala yang telah lama terjalin dan meningkatkan komunikasi bagi perkongsian maklumat mengawal penularan COVID-19.





## KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



## MENGUKUHKAN KEDUDUKAN PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI DALAM SISTEM PENJAGAAN KESIHATAN NEGARA

**K**erajaan Malaysia dan Kerajaan Republik Rakyat China (P.R.China) telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) Kerjasama dalam Perubatan Tradisional dan Komplementari di Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada 31 Mac 2022. MoU tersebut telah ditandatangani oleh YB Khairy Jamaluddin, Menteri Kesihatan Malaysia dan YBrs. Dr. Yu Wenming, Pesuruhjaya Pentadbiran Kebangsaan Perubatan Tradisional Cina (NATCM), P.R.China dalam satu majlis yang dijalankan secara maya.







## KKM KOMITED MEMPERHEBATKAN LAGI KEMPEN PENDERMAAN ORGAN

**M**ajlis Perasmian Duta Ginjal dan Program Pendidikan Pra-Dialisis yang dianjurkan secara bersama oleh Medtweetmy dan [www.mybuahpinggang.com](http://www.mybuahpinggang.com) telah dihadiri oleh YB Khairy Jamaluddin, Menteri Kesihatan Malaysia telah diadakan di Hotel Marriott, Putrajaya pada 26 Mac 2022. Beliau telah mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur atas usaha berterusan mendidik masyarakat khususnya tentang kesihatan buah pinggang. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan memperhebatkan lagi kempen pendermaan organ dan mengkaji agar peranan Pusat Sumber Transplan Nasional diperkukuhkan. Pendaftaran ikrar derma organ juga akan diwujudkan semula bagi memudahkan orang awam mendaftar sebagai penderma organ.







## MESYUARAT JEMAAH MENTERI BERSETUJU MEWAJIBKAN PEMASANGAN AED DI FASILITI AWAM



Lawatan kerja oleh YB Khairy Jamaluddin, Menteri Kesihatan Malaysia di ibu pejabat St. John Ambulance of Malaysia (SJAM) serta Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (PBSMM) pada 25 Mac 2022. Pada lawatan kerja tersebut, YB Menteri Kesihatan telah menyaksikan termeterainya memorandum persefahaman (MoU) di antara dua badan auxsiliari tersebut. MoU akan meningkatkan kerjasama kedua-dua badan dalam program khidmat ambulans, pertolongan cemas, bantuan bencana dan promosi kesihatan bagi menyokong inisiatif Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk usaha penjagaan kesihatan terutama sewaktu kecemasan atau krisis.





# SELAMAT DATANG HOSPITAL PORT DICKSON



TEMPAT MENGAMBIL DAN MENURUNKAN PESAKIT



## PORT DICKSON LENGKAPKAN HOSPITAL DENGAN 140 BUAH KATIL PESAKIT

Lawatan ke Hospital Port Dickson pada 29 Mac 2022 telah dilawat oleh YB Khairy Jamaluddin, Menteri Kesihatan. Pada sesi lawatan tersebut telah bermula dengan taklimat berkenaan situasi Hospital Port Dickson dan juga projek pembinaan bangunan tambahan. YB Menteri Kesihatan turut dibawa melawat ke tapak projek pembinaan bangunan tambahan. Menurut beliau bangunan tambahan baru tersebut adalah meliputi 140 buah katil pesakit, memberikan kemudahan kepada penduduk sekitarnya. Turut hadir sama ke lawatan tersebut adalah YBhg. Dato' Dr. Harlina binti Abd Rashid, Pengarah JKN Negeri Sembilan.







## KKM MEMASTIKAN WARGA ORANG ASLI TIDAK TERCICIR

**Y**B Khairy Jamaluddin, Menteri Kesihatan Malaysia telah membuat lawatan kerja di Hospital Orang Asli Gombak pada 4 Mac 2022. Ketika lawatan tersebut YB Menteri Kesihatan telah berkesempatan meninjau Program Imunisasi COVID-19 untuk Kanak-kanak (PICKids) di kalangan komuniti di hospital tersebut. Beliau juga akan memastikan komuniti Orang Asli tidak akan ketinggalan dalam mendapat khidmat kesihatan sewajarnya sejajar dengan sasaran Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dalam *Sustainable Development Goals (SDG) No. 3 – 'Good Health & Wellbeing'* yang telah digariskan.







## PERASMIAN FORUM STRATEGI & PEMBANGUNAN HOSPITAL MASA HADAPAN

**Y**B Dato' Dr. Haji Noor Azmi Ghazali, Timbalan Menteri Kesihatan I telah menyampaikan ucapan sekali gus merasmikan Forum Strategi dan Pembangunan Hospital Masa Hadapan Tahunan yang ke-2 Tahun 2022 pada 29 Mac 2022 bertempat di Kuala Lumpur. Turut hadir dalam forum tersebut adalah YBhg. Dato' Prof Dr. Adeeba Kamarulzaman, Profesor Perubatan dan Penyakit Berjangkit, YBhg. Dato' Dr. Jacob Thomas, Penasihat Perubatan Kumpulan, Ramsay Sime Darby Healthcare dan Encik Ahmad Shahizam bin Mohd Shariff, Pengarah Urusan, KPJ Healthcare Berhad. Forum Strategi dan Pembangunan Hospital Masa Hadapan Tahunan yang ke-2 Tahun 2022 merupakan Pelan Hala Tuju Pemulihan COVID-19 Kebangsaan bagi memahami matlamat dan hasil yang akan dikecapi pada masa hadapan. Dalam era pandemik, langkah yang proaktif perlu dilakukan adalah membina daya tahan terhadap wabak COVID-19. Agensi kerajaan memainkan peranan penting dalam meningkatkan usaha berdaya tahan dan juga merangka penyelesaian inovasi untuk mengurangkan kesan COVID-19 kepada negara.






## PEMBINAAN KLINIK KESIHATAN JULAU: PERTINGKAT KUALITI PERKHIDMATAN KESIHATAN KEPADA RAKYAT



**Y**B Datuk Aaron Ago Dagang, Timbalan Menteri Kesihatan II telah turun padang bagi melawat tapak projek Klinik Kesihatan Julau baharu (Jenis 4). Turut serta dalam lawatan tersebut adalah Mohd Rashidi Yahaya, Timbalan Setiausaha Bahagian Pembangunan KKM dan Dr. Tey Siew Chang, Pengarah Hospital Sarikei. YB Datuk Aaron sebelum itu telah diberi taklimat mengenai projek pembinaan Klinik Kesihatan Julau diikuti lawatan ke kuarters dan Pejabat Kesihatan Daerah Julau. Beliau juga berkesempatan melawat ke Klinik Pergigian Bintangor. YB Aaron berharap perkhidmatan kesihatan di fasiliti kesihatan dapat ditingkatkan dan masyarakat di sekitar akan mendapat manfaat daripada pembinaan klinik kesihatan tersebut.






## MAJLIS PEMASYHURAN HOSPITAL PAKAR KANAK-KANAK

**M**erafak sembah menjunjung kasih mengadap Kebawah DYMM Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus, Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir, Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia dan DYMM Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus, Tuanku Aishah Rohani Binti Almarhum Tengku Besar Mahmud di atas sudi perkenan berangkat mencemar Duli bagi menyempurnakan Majlis Pemasyhuran Hospital Tunku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani, Hospital Pakar Kanak-Kanak UKM (HPKK UKM) dan diiringi

oleh Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan pada 1 Mac 2022. Sebanyak 575 orang kakitangan dan kakitangan yang bertugas di HPKK UKM adalah terdiri daripada kakitangan KKM, HPKK UKM dan hospital pengajar universiti, serta pakar perubatan sukarela daripada hospital swasta. Sebagai pusat rujukan tertiar pediatrik, HPKK mempunyai kapasiti 243 buah katil pesakit dan dilengkapi pelbagai fasiliti diagnostik dan rawatan terkini bersesuaian untuk penjagaan kesihatan kanak-kanak di segala peringkat umur.







## 6<sup>TH</sup> ANNUAL PUBLIC LECTURE



Pada 12 Mac 2022, YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan telah menghadiri 'Dr. Wu-Lien Teh 6<sup>th</sup> Annual Public Lecture' di Pulau Pinang dan menyampaikan ucap terna bertajuk '*Steeling Up Against The Omicron Wave, Is Malaysia Prepared?*'. Selaras dengan pengumuman YAB Perdana Menteri dan YB Menteri Kesihatan baru-baru ini, Malaysia dijangka untuk mula membuka sempadan negara secara berperingkat bermula pada 1 April 2022. Oleh yang demikian, masyarakat perlu bersedia untuk

fasa peralihan kepada endemik dan memperkasakan kesedaran risiko dan kawalan sendiri seperti TRIIS. Kementerian Kesihatan akan terus memantau situasi di dalam dan luar negara agar sistem kesihatan negara tidak lumpuh dan penyampaian kesihatan kepada rakyat tidak terjejas. Persatuan Dr. Wu Lien-Teh dan Institut Pulau Pinang telah menganugerah 'Dr. Wu Lien-Teh Award for Leadership in Public Health' khusus buat keseluruhan petugas kesihatan di Malaysia.



## DELAGASI MENTERI KESIHATAN REPUBLIK SINGAPURA KE KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



Pada 23 Mac 2022, YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan bersama *Crisis Preparedness & Response Centre* (CPRC) Kebangsaan KKM menerima kunjungan daripada TYT Ong Ye Kung, Menteri Kesihatan Republik Singapura bersama delegasi dalam lawatan kerja rasmi mereka ke Malaysia pada 23-25 Mac 2022. Kedua-dua pihak telah membincangkan pengalaman

kedua-dua negara dalam menguruskan pandemik COVID-19, kolaborasi penyelidikan, pembiayaan dan perkhidmatan penjagaan kesihatan, perubatan tradisional dan komplementari, serta peraturan-peraturan penjagaan kesihatan. Semoga kunjungan ini mengeratkan lagi hubungan baik dua hala Kementerian Kesihatan Malaysia-Singapura yang sedia ada.







## JOHOR SURGICAL CONFERENCE 2022: STRIVING FOR IMPROVED SURGICAL OUTCOME

Pada 25 Mac 2022, YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan (KPK) telah merasmikan *Johor Surgical Conference 2022*. Tema persidangan pada tahun ini adalah '*Striving For Improved Surgical Outcome*' yang bertujuan untuk memangkin dan memperkasakan kualiti perkhidmatan pembedahan di negara ini. KPK telah menyampaikan ucapan yang bertajuk, '*Strengthening of Global Surgery in Malaysia*' sempena upacara perasmian tersebut. Pembedahan selamat adalah komponen kesihatan awam yang sering diabaikan. *The Lancet Commission on Global Surgery 2015* menganggarkan sekitar 30 peratus daripada beban keseluruhan penyakit seluruh dunia adalah penyakit yang boleh dirawat

dengan pembedahan. Manakala seramai 5 bilion orang di seluruh dunia kekurangan akses kepada perkhidmatan pembedahan dan bus yang selamat dan berkemampuan.





